MATHSPOWER
Centers For Excellence

TERMA & SYARAT

PENDAFTARAN PELAJAR SESI 2027

Terima kasih kerana memilih Pusat Tuition MathsPower sebagai pusat pembelajaran anak anda.

Bagi memastikan urusan pembelajaran, pembayaran dan pengurusan pelajar berjalan dengan lancar, ibu bapa/penjaga diminta membaca, memahami dan mematuhi terma serta syarat berikut:

1. PENDAFTARAN PELAJAR

1. Pendaftaran pelajar adalah tertakluk kepada kekosongan tempat dan kelas yang ditawarkan oleh pihak MathsPower.
2. Pendaftaran hanya dianggap lengkap setelah semua proses pendaftaran dan bayaran yang ditetapkan diselesaikan serta mendapat **pengesahan daripada pihak MathsPower.**
3. **Bayaran penuh** hendaklah dibuat semasa pendaftaran bagi mengesahkan tempat pelajar.

2. YURAN PENDAFTARAN & PEMBATALAN PENDAFTARAN

1. Yuran pendaftaran adalah **tidak dikembalikan (non-refundable)** setelah pembayaran dibuat.
2. Sekiranya pelajar menarik diri selepas pendaftaran dibuat, yuran pendaftaran tidak akan dikembalikan.
3. Pemulangan bayaran hanya boleh dipertimbangkan bagi yuran bulanan dan modul yang telah dibayar, tertakluk kepada status penggunaan kelas/modul dan semakan pihak MathsPower.
4. Sebarang pemulangan bayaran adalah tertakluk kepada rekod pembayaran, status penggunaan serta **kelulusan pihak pengurusan MathsPower**.
5. Tempoh pemulangan bayaran adalah tertakluk kepada proses dan kelulusan pihak pengurusan.

3. YURAN BULANAN

1. Yuran bulanan hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya **pada 27 haribulan** setiap bulan bagi bayaran yuran sesi bulan berikutnya.
2. Ibu bapa/penjaga bertanggungjawab memastikan bayaran yuran dibuat dalam tempoh yang telah ditetapkan.
3. Yuran bulanan adalah berdasarkan pakej dan jadual kelas pelajar yang telah ditetapkan semasa pendaftaran.
4. Yuran bulanan **tidak akan dikurangkan atau diprorata** atas sebab ketidakhadiran pelajar.
5. Sekiranya yuran bulanan tidak dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan, pihak MathsPower berhak **menggantung sementara penyertaan pelajar daripada menghadiri kelas sehingga semua tunggakan yuran dijelaskan**.
6. Pelajar hanya dibenarkan menyambung semula kelas setelah semua tunggakan bayaran dijelaskan, tertakluk kepada pengesahan pihak MathsPower.
7. Ibu bapa/penjaga tetap bertanggungjawab menjelaskan semua yuran tertunggak bagi kelas yang telah dihadiri oleh pelajar, walaupun penyertaan pelajar telah digantung sementara.
8. Sebarang tunggakan bayaran perlu dijelaskan sebelum pelajar boleh membuat pendaftaran semula, tertakluk kepada kekosongan tempat.

4. JADUAL KELAS

1. Pelajar akan mengikuti kelas sebanyak empat (4) kali sebulan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak MathsPower.
2. Jadual kelas adalah berdasarkan jadual yang diberikan semasa pendaftaran.
3. Sebarang perubahan jadual oleh pihak MathsPower akan dimaklumkan kepada ibu bapa/penjaga.
4. Pihak MathsPower berhak membuat perubahan atau **penggabungan kelas** sekiranya terdapat keperluan operasi.
5. Sekiranya kelas asal tidak dapat diteruskan, pihak MathsPower boleh menawarkan pemindahan pelajar ke cawangan lain yang bersesuaian. Pemindahan hanya akan dilaksanakan setelah mendapat persetujuan ibu bapa/penjaga.
6. Sekiranya ibu bapa/penjaga tidak bersetuju dengan pemindahan ke cawangan lain berikutan penutupan kelas asal, pelajar boleh memilih untuk tidak meneruskan kelas di MathsPower. Baki yuran bulanan yang belum digunakan akan dipulangkan secara prorata berdasarkan pengiraan dan semakan pihak pengurusan MathsPower.
7. Pihak MathsPower berhak membuat perubahan tenaga pengajar mengikut keperluan operasi bagi memastikan kelancaran pelaksanaan kelas.
8. Ibu bapa/penjaga bertanggungjawab memastikan pelajar hadir mengikut jadual yang telah ditetapkan.

5. KETIDAKHADIRAN PELAJAR & KELAS GANTI

1. Sekiranya pelajar tidak hadir ke kelas atas sebab peribadi, cuti, urusan keluarga, sakit atau sebab-sebab lain, **tiada kelas ganti** akan diberikan secara automatik.
2. Ketidakhadiran pelajar **tidak melayakkan ibu bapa/penjaga mendapat pengurangan atau pemulangan yuran bulanan**.
3. Sebarang kelas ganti hanya boleh diberikan atas budi bicara pihak MathsPower dan tertakluk kepada kekosongan tempat, kesesuaian jadual serta kelulusan pihak pengurusan.
4. Sekiranya kelas ganti diberikan di cawangan atau lokasi lain, ibu bapa/penjaga perlu memastikan pelajar hadir di lokasi dan waktu yang telah ditetapkan.
5. Sekiranya kelas yang telah dijadualkan dibatalkan oleh pihak MathsPower atas sebab tertentu, pihak MathsPower bertanggungjawab menyediakan kelas ganti bagi memastikan pelajar mendapat sesi pembelajaran yang telah dibayar.

6. CUTI UMUM (PUBLIC HOLIDAY)

1. Sekiranya hari kelas jatuh pada cuti umum (Public Holiday), kelas tidak akan dijalankan.
2. **Tiada kelas ganti** akan diberikan bagi kelas yang jatuh pada cuti umum.
3. Yuran bulanan **tidak akan dikurangkan, diprorata atau ditolak** disebabkan cuti umum tersebut.
4. Ketetapan ini adalah sebahagian daripada struktur jadual dan yuran bulanan MathsPower.

7. PERMOHONAN BERHENTI

1. Sekiranya ibu bapa/penjaga ingin memberhentikan pelajar daripada mengikuti kelas di MathsPower, permohonan pemberhentian hendaklah dimaklumkan kepada pihak MathsPower **sebelum atau pada 17 haribulan setiap bulan**, iaitu sebelum invois bagi bulan berikutnya dikeluarkan dan dihantar kepada ibu bapa/penjaga.
2. Ibu bapa/penjaga bertanggungjawab memaklumkan hasrat untuk berhenti kepada pihak pentadbiran dalam tempoh yang ditetapkan.
3. Sekiranya permohonan pemberhentian diterima selepas 17 haribulan atau selepas invois baharu dikeluarkan, ibu bapa/penjaga masih bertanggungjawab menjelaskan yuran bagi bulan berikutnya yang telah diinvoiskan.
4. Pelajar hanya dianggap telah berhenti secara rasmi setelah mendapat **pengesahan daripada pihak MathsPower**.
5. Sebarang tunggakan bayaran sebelum tarikh pemberhentian hendaklah dijelaskan terlebih dahulu.

8. WAKTU OPERASI & URUSAN PENTADBIRAN

Waktu operasi urusan pentadbiran MathsPower adalah seperti berikut:

Isnin – Jumaat
3.00 petang – 10.30 malam

Sabtu
8.00 pagi – 2.00 petang

Ahad
Tutup

1. Sebarang urusan pendaftaran, pembayaran, pertanyaan dan urusan pentadbiran hendaklah dibuat dalam waktu operasi yang telah ditetapkan.
2. Sebarang mesej atau pertanyaan yang diterima di luar waktu operasi akan dijawab pada waktu operasi berikutnya.
3. Waktu operasi boleh berubah semasa cuti sekolah, cuti umum atau berdasarkan keperluan operasi semasa. Sebarang perubahan akan dimaklumkan oleh pihak MathsPower.

9. URUSAN PEMBAYARAN & REKOD

1. Ibu bapa/penjaga hendaklah **menyimpan bukti pembayaran** bagi setiap transaksi yang dibuat.
2. Sebarang pertanyaan berkaitan bayaran atau rekod yuran hendaklah dirujuk kepada pihak pentadbiran MathsPower.
3. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan atau pertanyaan berkaitan bayaran, ibu bapa/penjaga diminta **memaklumkan kepada pihak MathsPower** dengan segera untuk semakan.

10. TANGGUNGJAWAB IBU BAPA/PENJAGA

Ibu bapa/penjaga bertanggungjawab untuk:

1. Memastikan bayaran yuran dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.
2. Memastikan pelajar hadir mengikut jadual kelas.
3. Memaklumkan sebarang perubahan maklumat pelajar kepada pihak MathsPower.
4. Memaklumkan pihak MathsPower sekiranya ingin memberhentikan pelajar sebelum invois baharu dikeluarkan.
5. Membaca dan mengikuti semua makluman rasmi yang disampaikan oleh pihak MathsPower.

6. Memastikan pelajar mematuhi peraturan dan ketetapan yang ditetapkan oleh pihak MathsPower sepanjang mengikuti kelas.
7. Bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan harta benda atau kemudahan MathsPower yang berpunca daripada perbuatan atau kecuaian pelajar, selain daripada kerosakan akibat penggunaan biasa. Ibu bapa/penjaga hendaklah **menanggung kos pembaikan atau penggantian** yang munasabah berdasarkan hasil semakan pihak MathsPower.

11. PERSETUJUAN

Dengan meneruskan pendaftaran bagi Sesi 2027, ibu bapa/penjaga dianggap telah **membaca, memahami dan bersetuju** untuk mematuhi segala terma, syarat dan ketetapan yang ditetapkan oleh pihak MathsPower.

Pihak MathsPower berhak membuat pindaan terhadap terma dan syarat dari semasa ke semasa mengikut keperluan operasi dan pengurusan. **Sebarang perubahan yang berkaitan akan dimaklumkan** kepada ibu bapa/penjaga.

PUSAT TUITION MATHSPOWER

Terima kasih atas kepercayaan dan sokongan anda.